

12/11/2001

Upen membantu percepat pembangunan

Johari Ibrahim

TUGAS membangunkan ekonomi dan kemudahan asas negeri bukan mudah kerana ia memerlukan pelbagai pertimbangan dan perancangan.

Pertimbangan asas yang sentiasa diambil kira apabila merancang pembangunan ialah majoriti rakyat dengan kos yang efektif.

Kedah juga mengambil pendekatan sama ketika merancang pelbagai projek meningkatkan kegiatan ekonomi dan sosial, Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 (PTKM).

Sebahagian besar tanggungjawab dikendalikan Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) Kedah.

"Upen adalah sekretariat kepada semua jawatankuasa teknikal bagi memudahkan pelaksanaan perancangan pembangunan termasuk mengendalikan pelaburan asing ke Kedah," kata Pengarahnya, Datuk Ku Nahar Ku Ibrahim.

Beliau berkata, fungsi Upen bertambah penting apabila PTKM dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 21 September lalu.

PTKM 2010 lahir selepas beberapa pelan tindakan memajukan negeri, iaitu Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) pada awal 1980-an dan Pelan Tindakan Pembangunan Kedah (KDAP) yang berlangsung selama 10 tahun berakhir tahun lalu.

Selepas pentadbiran Kedah diketuai Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, beliau mencipta PTKM dengan sasaran menjadikan negeri Jelapang Padi itu sebagai negeri maju setanding Johor, Selangor dan Pulau Pinang menjelang 2010.

Berikutan itu, tugas utama Upen kini ialah menggandakan promosi Kedah kepada pelabur sejajar strategi yang digariskan dalam pelan tindakan itu.

Secara asas, antara tumpuan utama perancangan ialah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) kepada 15 peratus, memajukan kawasan yang tertinggal dari segi pembangunan seperti daerah Baling, Sik dan Padang Terap dan menumpukan program pembangunan insan dan sumber manusia.

"Selepas PTKM dilancarkan, tugas utama Upen ialah membantu mempercepatkan pembangunan negeri dengan bantuan pakar pelbagai bidang dari Universiti Utara Malaysia (UUM). Kita terbabit dalam perancangan dan memantau pelaksanaan projek," katanya.

Beliau berkata secara kasar, Kedah dibahagikan kepada tiga zon khusus untuk memudahkan perancangan, iaitu utara, tengah dan selatan.

Ketiga-tiga zon berkenaan mempunyai projek mega masing-masing yang menjadi nadi perkembangan ekonomi termasuk industri sampingan seperti makanan dan perkhidmatan.

"Bagi zon selatan, kita mempunyai Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTP), tengah projek Loji Janakuasa Bebas (IPP) di Yan dan utara projek Kota Perdana di Bukit Kayu Hitam.

"Ketiga-tiga projek mega utama itu adalah pusat pemangkin pertumbuhan ekonomi Kedah yang tempiasnya akan turut dirasai kawasan sekitar seperti Kulim, Sungai Petani, Jitra dan Gurun," katanya.

Ku Nahar berkata, bagi memajukan sesuatu kawasan, kemudahan infrastruktur perlu dijadikan pertimbangan utama seperti pembinaan jalan raya bagi memudahkan pengangkutan.

Jalan raya adalah kemudahan paling penting apabila kerajaan merancang membangunkan sesuatu kawasan. Untuk itu, Upen diberi tanggungjawab merancang pembinaan jalan raya 'Trans-Eastern Hinterland Highway' menghubungkan Durian Burung di daerah Padang Terap melalui Pedu, Gubir dan

Kampung Memali di Baling untuk memajukan daerah Padang Terap, Sik dan Baling.

Projek bernilai RM300 juta itu akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi dan kawasan laluanannya termasuk promosi pelancongan Hulu Muda yang dirancang sebagai lokasi setaraf Taman Negara di Pahang.

Sejajar peningkatan taraf prasarana pengangkutan, projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Kepala Batas dijangka bermula Februari tahun depan bagi membolehkan pesawat besar seperti Boeing 747-400 mendarat dan mengendalikan penerbangan jemaah haji dari Alor Star.

"Fasa kedua projek ialah pembesaran terminal lapangan terbang yang kini masih dalam perancangan dengan Malaysia Airports Berhad (MAB)," katanya.

Menurut Ku Nahar, kebanyakan projek mega yang menjadi pencetus kepada pembangunan ekonomi di Kedah itu sudah bermula dan Upen kini dalam fasa memantau pelaksanaannya oleh setiap jabatan berkenaan.

"Tanggungjawab Upen ialah sebagai sekretariat beberapa jawatankuasa teknikal pada peringkat jabatan di Kedah," katanya.

Tugas sekretariat termasuk menjadi penghubung kerajaan negeri dan agensi pusat seperti Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa (MITI) dan mengadakan `road show' di seluruh dunia untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) dari syarikat besar dunia ke Kedah.

Terbaru, rombongan termasuk pegawai Upen ke Singapura untuk bertemu wakil 150 syarikat negara itu dalam misi promosi kawasan perindustrian dan pelancongan Kedah.

"Kerajaan juga membuat jemputan rasmi kepada wakil syarikat berkenaan meninjau kemudahan prasarana di Kedah sebelum Krismas ini bagi membolehkan mereka menilai sendiri kemudahan yang ada," katanya.

Upen kini merangka lawatan untuk tujuan yang sama ke Osaka, Jepun.

Pada akhir pelaksanaan PTKM, kerajaan berharap tiga aspek dapat ditingkatkan iaitu peluang pekerjaan kepada rakyat, mewujudkan ladang pertanian moden dan berskala besar serta perkembangan sektor industri perkhidmatan termasuk insurans, bank, hotel dan pengangkutan.

Antara pakej perangsang pembangunan menyeluruh lain yang direncana, termasuk jalan raya pesisir pantai menghubungkan Kuala Kedah ke Sanglang yang bersempadan Perlis dan pembangunan semula pekan pelabuhan Kuala Kedah.

(END)